

Pensyarah tempatan di luar negara digalakkan tulis buku dalam BM

SEREMBAN 8 April - Kerajaan menggalakkan pensyarah tempatan yang mengajar di luar negara menulis buku dalam bahasa Melayu untuk kegunaan pelajar di negara ini.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, langkah tersebut menjadi lebih penting sekiranya mereka menulis subjek yang dianggap masih baharu di negara ini seperti sains aktuari.

Beliau berkata, sains aktuari yang bermula sejak zaman kerajaan Rom kini semakin berkembang meliputi pelbagai bidang kehidupan dan tidak hanya terhad kepada matematik semata-mata.

"Semua bidang memerlukan pemodelan dan perkiraan asas matematik yang termasuk dalam sains aktuari.

"Jadi ilmu ini melibatkan hampir semua bidang dan bukan terhad kepada kewangan semata-mata," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku *Sains Aktuari: Dari Aktuaris Ke Aktuari* di Universiti Sains Islam

Malaysia (USIM), Nilai, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kamarul Zaman Shaharudin.

Buku hasil tulisan Pengarah Program Sains Aktuari di Jabatan Sains Matematik, University of Essex, United Kingdom, Dr. Haslifah Mohamad Hashim membincangkan sejarah dan kepentingan sains aktuari.

Buku dalam bahasa Melayu itu telah diterbitkan oleh DBP pada Februari lalu.

Idris turut mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada USIM kerana bekerjasama dengan University of Essex atas penerbitan buku itu.

"Ini adalah jalinan yang baik dan universiti ini telah mencapai tahap kecemerlangan global sebagaimana yang disebut dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025," kata beliau lagi.



IDRIS JUSOH beramah mesra dengan sebahagian daripada pelajar sambil membelek buku *Sains Aktuari: Dari Aktuaris Ke Aktuari* sambil diperhatikan penulis buku, Haslifah Mohamad Hashim (kiri) dalam majlis pelancaran buku berkenaan di Dewan Kullah Pusat 3, USIM di Nilai, Negeri Sembilan, semalam.